

# Tempah maksiat menerusi aplikasi media sosial

Kegiatan tidak bermoral membabitkan wanita warga asing di ibu kota kembali rancak dalam tempoh peralihan fasa endemik ketika ini

Oleh MOHD HARIS FADLI  
MOHD FADZIL  
KUALA LUMPUR

Kegiatan pelacuran kini semakin rancak menggunakan platform aplikasi media sosial WhatsApp, Telegram dan WeChat untuk pelanggan membuat tempahan atau sistem *booking*.

Difahamkan, ejen sindiket yang menjadi 'bapa ayam', 'ibu ayam' atau *runner* akan memainkan peranan bagi menetapkan dan menghantar wanita pilihan ke lokasi tertentu kepada pelanggan.

Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia Kuala Lumpur, Syamsul Badrin Mohshin berkata, berdasarkan pemerhatian dan risikan pihaknya mendapati kegiatan tidak bermoral membabitkan wanita warga asing di ibu kota

## Statistik Op Gegar di KL

### Jumlah tangkapan wanita warga asing mengikut tahun

2020 - 301 orang  
2021 - 60 orang  
2022 - 48 orang

### Pecahan mengikut kewarganegaraan

Thailand - 233 orang  
Vietnam - 137 orang  
China - 10 orang  
Myanmar - 10 orang  
Korea Selatan - 6 orang  
Indonesia - 5 orang  
Filipina - 3 orang  
Kemboja - 3 orang  
Laos - 2 orang

EKSKLUSIF

SYAMSUL  
BADRIN



Sebahagian daripada wanita warga asing yang ditahan imigresen di sebuah pusat hiburan mewah di ibu negara.

menerusi pesanan di aplikasi WhatsApp atau WeChat sebelum dihantar ke hotel tertentu sama ada kelas tinggi atau rendah berdasarkan temu janji atau *booking* yang dibuat.

"Begitu juga wanita asing yang menjalankan khidmaturut, sistem *booking* juga digunakan bagi menyukarkan tindakan pihak berkuasa," ujarnya.

Menurutnya, sistem *booking* turut digunakan kepada pelanggan tertentu sahaja untuk memasuki pusat hiburan

kembali rancak dalam tempoh peralihan fasa endemik ketika ini.

Jelasnya, pihak Imigresen Kuala Lumpur turut mengesan taktik peng-usaha pusat hiburan yang berselindung di sebalik perniagaan restoran sambil menyajikan layanan wanita warga asing.

“Terdapat tawaran bagi aktiviti tidak bermoral ini serendah RM30 dikesan dijalankan di ibu negara.

“Malah ada bayaran sehingga ribuan ringgit bergantung kepada layanan, warganegara dan ‘gred’ wanita asing terbabit,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di Pejabat Imigresen Kuala Lumpur di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Syamsul Badrin berkata, pelanggan yang berminat dengan wanita-wanita itu akan menempah

bilik untuk menikmati pusat hiburan bagi mengurangkan risiko diserbu pihak berkuasa.

“Sekarang kalau nak masuk ke pusat hiburan juga kena melalui sistem *booking*, malah ada sesetengah premis memilih segelintir kaum sahaja sebagai pelanggan mereka.

“Pengusaha premis kemudian akan membawa wanita terbabit dan menunggu di lokasi tertentu sebelum membenarkan masuk premis apabila diarahkan sahaja,” ujarnya.

Beliau berkata, sekiranya tiada permintaan untuk khidmat wanita tersebut, kelibat mereka tidak akan kelihatan di dalam premis.

Jelas beliau, bagi memastikan gerak-geri ‘penghantaran’ pelacur warga asing sentiasa selamat, pihak sindiket

turut mengupah individu tertentu yang berperanan sebagai tonto.

“Tonto ini akan menyamar seperti orang biasa atau penjaga premis. Sekiranya ada pergerakan pihak berkuasa, tonto ini akan segera memaklumkan pergerakan dan mengakibatkan sesuatu serbuan di premis yang telah dikenal pasti gagal,” kata beliau.

#### 409 wanita asing dicekup sejak 2020

Menurut Syamsul Badrin, seramai 409 wanita warga asing berusia lingkungan 19 hingga 45 tahun ditahan menerusi Op Gegar di pusat hiburan dan rumah urut di sekitar ibu negara bermula Januari 2020 sehingga April lalu.

Ujarnya, daripada jumlah itu wanita Thailand paling ramai ditahan seramai 233 orang, diikuti Vietnam (137), China (10), Myanmar (10), Korea Selatan (enam), Indonesia (lima), Filipina (tiga), Kemboja (tiga) dan Laos (dua).

“Ada di antara mereka masuk ke Malaysia dengan menggunakan pas lawatan sosial atau pas pelajar. Ada juga yang diuruskan oleh sindiket.

“Malah, pihak kami turut mendapati terdapat wanita asing ini yang berkahwin dengan warga tempatan, namun bekerja dalam kegiatan yang tidak bermoral ini,” katanya.

Mengulas berkenaan jumlah yang ramai melibatkan wanita Thailand, beliau berkata, ia disebabkan faktor negara terbabit yang terletak berhampiran dengan Malaysia.

“Kos pergerakan melalui jalan darat mungkin lebih murah dan mudah berbanding kos dari negara lain yang lebih jauh yang terpaksa menggunakan laluan udara,” katanya.

#### Kerjasama bersama agensi lain

Tegas Syamsul Badrin, pihak imigresen memberi amaran keras kepada individu atau sindiket yang terlibat dalam menawarkan kegiatan tidak bermoral.

“Kerjasama dan penguatkuasaan berterusan antara imigresen, Polis Diraja Malaysia (PDRM), pihak berkuasa tempatan (PBT) serta agensi penguat kuasa berkaitan akan terus dijalankan untuk membanteras kegiatan tidak moral ini daripada terus menular khususnya di ibu kota.

“Pada masa sama, kesedaran orang awam terhadap masalah gejala sosial terbabit merupakan kunci dalam usaha membanteras kegiatan tidak bermoral berkenaan sepenuhnya,” ujar beliau.

Dalam pada itu, beliau berkata, orang awam perlu diberikan kesedaran tentang akibat dan risiko apabila menggunakan khidmat pelacuran warga asing terutama dari segi penyebaran penyakit berjangkit serta masalah sosial lain.

“Operasi telah banyak dijalankan, namun untuk memastikan Kuala Lumpur ini bersih daripada kegiatan tidak bermoral, kita akan memperbanyakkan lagi risikan serta tindakan bersama agensi penguat kuasa lain,” kata beliau.



Antara wanita warga asing yang diperiksa dalam Op Gegar di Kuala Lumpur.